

Saksi lihat jambatan mula retak

um 3/6/06

PAPAR 2 Jun – Seorang saksi memberitahu, dia sempat menjerit memberi amaran kepada Hussein Mastor, 51, supaya tidak melalui jambatan yang merentangi Sungai Mandahan dekat sini apabila melihat ia mula retak tetapi mangsa tidak sempat berbuat apa-apa.

Wong Fui Heong, 33, berkata, semasa kejadian, dia yang datang dari arah bertentangan memberhentikan keretanya apabila melihat jambatan itu kelihatan tidak selamat untuk dilalui.

“Semasa berhenti saya melihat sebuah kenderaan pacuan empat roda di hadapan kereta mangsa sempat melintasi jambatan itu dan saya menjerit memberitahu mangsa supaya tidak melalui jambatan itu.

“Keadaan berlaku terlalu cepat, mangsa tidak sempat berbuat apa-apa dan saya melihat kereta itu menjunam ke dalam sungai,” katanya ketika ditemui di tempat kejadian.

Dalam kejadian tersebut, seorang guru agama Hussein Mastor, 51 dan anaknya, Mohd. Harun, 26, terbunuh apabila kereta yang mereka naiki jatuh ke dalam Sungai Mandahan selepas jambatan yang dilalui itu runtuh.

Fui Heong berkata, apa yang menyedihkan, dia ternampak seorang penumpang yang memakai baju putih iaitu anak mangsa menjerit meminta tolong dan kelihatan cuba untuk menyelamatkan diri dari tingkap kereta sebelum kenderaan itu tenggelam.

Seorang lagi saksi, Dellhan Dulamit, 24, berkata, kejadian itu berlaku dengan pantas sehingga menyebabkan dia dan rakan-rakannya tidak sempat memberikan pertolongan kerana arus sungai yang deras.

“Saya terdengar satu bunyi yang kuat seakan-akan bunyi meletup, lalu saya berlari ke arah jambatan dan melihat kereta mangsa berada dalam keadaan tenggelam timbul untuk seketika sebelum terus tenggelam,” ujarnya.

Melihatkan kejadian itu katanya, dia membuat laporan di Balai Bomba Bongawan dan Papar.